



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran ini adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang masih berkuatkuasa tempoh pendaftaran syarikat dan mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN (jika berkaitan)
JH(SH)37(2)/2018	KERJA-KERJA PENUBUHAN PETAK EKOLOGI DI DALAM HUTAN SIMPANAN HUTAN DARA DI KOMPT. 2B, HUTAN SIMPAN BATANG MELAKA, MELAKA; KOMPT. 30, HUTAN SIMPAN SEMANGKOK, SELANGOR; KOMPT. 33, HUTAN SIMPAN BEREMBUN, NEGERI SEMBILAN; KOMPT. 19, HUTAN SIMPAN LEBIR, KELANTAN DAN KOMPT. 231, HUTAN SIMPAN LENGGOR, JOHOR	222104, (Pertanian/Tanaman/Ladang/ Taman/Hutan Dan Ladang Hutan)

2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **25 Jun 2018, Jam 10.00 pagi di Dewan Seminar, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor**. Borang sebut harga akan diedarkan semasa taklimat sebutharga tersebut.
3. Dokumen sebut harga yang perlu dilengkapkan dan dikemukakan adalah seperti berikut:
 - i. Lampiran Q dan Dokumen 7;
 - ii. Dokumen 8 – Jadual Pelaksanaan Kerja
 - iii. Dokumen 9 – Keterangan Mengenai Penyebutharga;
 - iv. Profil Syarikat
 - v. Lampiran A – Borang Pengesahan Menghadiri Taklimat;
 - vi. Lampiran B – Surat Akuan Pembida;
 - vii. Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
 - viii. Sijil akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (*jika berkaitan*);
 - ix. Nama dan Nombor / Penyata Akaun Bank; dan
 - x. Lampiran 19 – Kurikulum Vitae (CV) Tenaga Kerja Pakar
4. Dokumen sebut harga di atas hendaklah dihantar secara **manual** dengan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur** sebelum tarikh tutup iaitu pada atau sebelum **jam 12.00 tengahari, 3 Julai 2018 (Selasa)**. **Dokumen yang lewat dikemukakan TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
5. Tempoh sah laku sebut harga adalah 90 hari selepas tarikh tutup sebut harga.
6. Kerajaan tidak terikat untuk setuju menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. Keputusan yang dibuat adalah **MUKTAMAD**. Mana-mana syarikat yang tidak menerima pemakluman selepas 45 hari dari tarikh tutup sebut harga dianggap tidak berjaya.
7. Kehadiran ke sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN** dan kegagalan untuk hadir akan menyebabkan sebut harga tidak dapat dipertimbangkan.
8. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila berhubung dengan En. Mohd Saman bin Mohd Sanget di talian 03-26164488 ext 553.

**KETUA PENGARAH PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA
12 Jun 2018**